

Kesedaran Masyarakat Terhadap Pengurusan Nafkah Anak Yatim Negeri Selangor

Siti Zaleha binti Ibrahim
Hasliza binti Talib
Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin
Noraini binti Mohamad
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Mek Wok binti Mahmud
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Siti Nur Husna Abd Rahman
UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

ABSTRAK

Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada wali, pengurus rumah anak yatim, ibu tunggal/balu, kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan masyarakat awam yang terdiri daripada beberapa buah daerah di negeri Selangor antaranya ialah Daerah Sepang, Daerah Hulu Selangor dan Daerah Klang. Sebanyak 400 set soal selidik diedarkan dan sebanyak 400 set soal selidik berjaya dikutip dan dianalisis setelah mendapat kerjasama daripada responden yang berumur lingkungan 20-70 tahun bagi mengumpulkan pandangan mereka mengenai kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim di Negeri Selangor. Kajian ini merupakan jenis atau teknik kajian bagi komponen kuantitatif yang menekankan pengukuran dan pencarian hubungan atau hubungan antara variable sebagai penyokong data kualitatif. Jenis kajian ini adalah kajian korelasi dan dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 25. Dapatkan kajian menunjukkan tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim di negeri Selangor adalah berada pada tahap skor yang tinggi. Hasil kajian diharapkan agar masyarakat dapat memahami peranan dan tanggungjawab menguruskan nafkah anak yatim sebagaimana yang ditetapkan dalam Islam bagi memastikan institusi keluarga dan kebajikan anak-anak yatim terus terpelihara.

Kata kunci: kesedaran masyarakat, pengurusan nafkah, anak yatim di Negeri Selangor

Pendahuluan

Kajian ini adalah berkaitan peranan wali terhadap anak yatim. Sebagaimana yang dimaklumi, kajian wali kepada anak yatim masih kurang dibincangkan dalam masyarakat Islam. Selain itu, pendedahan terhadap peranan wali terhadap anak yatim juga jarang diketengahkan. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui tahap kesedaran masyarakat Islam di Selangor yang meliputi pengetahuan dan kefahaman berkaitan peranan wali kepada anak yatim khususnya dalam pengurusan nafkah.

Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada wali, pengurus rumah anak yatim, ibu tunggal/balu, kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan masyarakat awam di beberapa buah daerah di negeri Selangor iaitu Daerah Sepang, Daerah Hulu Selangor dan Daerah Klang. Sebanyak 400 set soal selidik telah diedarkan kepada responden yang berumur lingkungan 20-70 tahun dan sebanyak 400 set soal selidik berjaya dikutip. Analisis kajian turut dilakukan bagi mendapat pandangan mereka mengenai kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim di Negeri Selangor.

Latar Belakang Kajian

Secara umumnya, wali berkewajipan menjaga kebajikan anak-anak yatim seperti makan-minum, pakaian, pendidikan dan belaian kasih sayang yang merupakan keperluan harian mereka. Di dalam Islam, menyediakan keperluan harian ini dikenali sebagai nafkah. Namun begitu, bagi anak-anak yatim terdapat tiga pihak yang dipertanggungjawabkan memberi nafkah kepada mereka sama ada ibu atau waris ibu atau pemerintah.

Perkataan nafkah ialah kalimah arab yang berasal daripada infaq iaitu mengeluarkan. Dari sudut bahasa bermakna apa yang dikeluarkan oleh manusia terhadap anak-anaknya. Daripada istilah syarak pula ia bermaksud memberi perbelanjaan yang secukupnya daripada makanan, pakaian dan tempat tinggal (Wahbah al-Zuhaili, 2011).

Firman Allah SWT:

وَالْوَلِدُتُ يُرْضِعُنَ أَوْلَادُهُنَ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنْمِي الْرَّضَاعَةً وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْفُهُنَ وَكِسْوَهُنَ بِالْمَعْرُوفِ لَا شُكْلُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya:

“Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya”

(Al-Baqarah : 233).

Di dalam riwayat daripada Saidatina Aisyah R.A bahawa Hindun binti ‘Utbah telah berjumpa dengan Rasulallah SAW dan berkata: "Ya Rasulullah, sesungguhnya Abu Suffian (suaminya) adalah seorang yang kedekut. Dia tidak memberi belanja yang cukup untuk saya dan anak-anak kami kecuali jika saya ambil dengan tidak diketahuinya." Rasulullah SAW bersabda: "Ambillah sekadar yang cukup untuk keperluan kamu dan anak-anak kamu dengan cara yang baik" (Sahih Bukhari, Kitab al-Nafaqaat).

Berdasarkan kedua-dua nas tersebut jelas menunjukkan bahawa seorang bapa berkewajipan memberi nafkah kepada anak-anaknya. Kewajipan tersebut berdasarkan tiga faktor iaitu perkahwinan, keturunan dan pemilikan.

Bapa merupakan tunggak sesebuah keluarga yang berperanan untuk menjaga, memelihara, mengurus serta memastikan keperluan anak-anak terpelihara. Apabila bapa meninggal, maka tanggungjawab ini akan beralih kepada wali. Wali juga mendapat hak perwarisan daripada harta-harta si mati. Datuk, adik-beradik, bapa saudara atau sepupu si mati terutama dalam kes kematian yang tidak meninggalkan anak lelaki, berhak menuntuk hak asabah terhadap harta yang ditinggalkan.

Hak yang mereka terima, adalah hadir bersama tanggungjawab terhadap waris yang ditinggalkan oleh si mati seperti isteri dan anak-anak. Wali perlu menjaga dan memberi bantuan berupa keperluan harian, makan minum, tempat tinggal yang sewajarnya serta pendidikan anak-anak mereka. Adakah masyarakat faham tentang tanggungjawab ini? Kenapa masih ramai anak-anak yatim yang tidak terbela? Kenapa masih ramai ibu-ibu tunggal yang dibebani dengan tanggungjawab memberi nafkah kepada anak yatim sepenuhnya? Kenapa ahli waris yang menerima bahagian harta pusaka tidak mengambil berat kebijakan anak-anak yatim?

Tugas yang berat sepatutnya bukan ditanggung oleh ibu tunggal semata-mata tetapi oleh wali yang berkenaan. Justeru penyelidikan ini akan merungkai persoalan berikut dengan berfokuskan sejauh mana tahap kesedaran masyarakat terhadap peranan wali kepada anak yatim dalam pengurusan nafkah.

Metodologi Kajian

Berdasarkan konsep kajian, satu set soal selidik telah dibina dan menggunakan bahasa Melayu di dalam borang soal selidik sebagai bahasa pengantara. Borang soal selidik mengandungi 5 bahagian iaitu bahagian A,B,C,D dan E. Bahagian A adalah berkaitan dengan profil demografi responden. Bahagian B pula berkaitan dengan maklumat kesedaran masyarakat terhadap penjagaan anak yatim. Manakala bahagian C pula berkaitan dengan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim. Seterusnya bahagian D pula berkaitan dengan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim dan bahagian E pula berkaitan dengan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan anak yatim di negeri Selangor.

Soal selidik ini menggunakan Skala Likert iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Berdasarkan Skala Likert ini, data dan maklum balas yang diperolehi diproses dan dianalisa secara kuantitatif menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Science) versi 25. Skala Likert digunakan bagi memudahkan responden untuk menjawab dan memudahkan data dianalisis.

Kajian yang menggunakan reka bentuk kuantitatif ini menggunakan satu set soal selidik untuk diedarkan kepada 400 orang responden. Metode soal selidik yang digunakan dalam kajian tinjauan ini adalah untuk mendapatkan maklumat secara umum tentang tahap kesedaran masyarakat terhadap peranan wali kepada anak yatim di negeri Selangor. Daerah Sepang, Klang dan Hulu Selangor dipilih sebagai populasi kajian di mana sampel kajian adalah target population. Pemilihan lokasi ini bertepatan dengan pandangan Neuman (2006), Marohaini Yusof (2004) dan Sidek Mohd. Noah (2002) yang mencadangkan empat faktor untuk ditimbangkan dalam pemilihan tapak atau lokasi kajian; kaya dengan data, ketidakbiasaan (unfamiliarity), sesuai dan mempunyai rangkaian sosial yang baik. Kaedah persampelan yang digunakan bagi memilih sampel adalah

kaedah persampelan secara rawak. Kaedah ini digunakan bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini (Ary et al 1996).

Dapatan Kajian

Analisis deskriptif taburan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim dalam kalangan masyarakat di negeri Selangor, dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1
Kesedaran Masyarakat terhadap pengurusan nafkah Anak Yatim

| Perkara | Min | SP |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|-----------|
| Memberi nafkah kepada anak yatim adalah perintah Allah SWT. | 4.47 | .686 |
| Pemerintah perlu menjaga kebajikan anak yatim. | 4.39 | .599 |
| Wali bertanggungjawab memastikan anak yatim mendapat pendidikan yang sempurna. | 4.30 | .612 |
| Kadar nafkah yang perlu diberikan oleh wali adalah mengikut kemampuannya. | 4.27 | .606 |
| Wali bertanggungjawab untuk menanggung nafkah anak yatim. | 4.16 | .698 |
| Kewajipan memberikan nafkah kepada anak yatim bermula daripada keluarga sebelah ayah. | 4.11 | .857 |
| Wali perlu menanggung nafkah anak bagi keadaan bapa yang hilang, dipenjarakan dan sakit yang tidak mampu bekerja. | 3.96 | .758 |
| Anak yatim yang miskin dan fakir, sumber nafkah adalah daripada harta wali. | 3.64 | .876 |
| Tanggungjawab nafkah kepada anak yatim tidak terletak kepada ibu. | 3.50 | .934 |
| Sumber nafkah anak yatim adalah daripada hartanya sendiri. | 3.17 | 1.130 |
| Min Keseluruhan | 4.00 | .45423 |

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Hasil kajian menunjukkan nilai min keseluruhan tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim berada pada (Min: 4.00, SP: .45423). Hal ini menunjukkan tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim dalam kalangan masyarakat di negeri Selangor berada pada skor yang tinggi. Berdasarkan sepuluh item yang mengukur tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim juga, didapati min bagi setiap item berada pada skor 4.47 hingga 3.17, yang menunjukkan bahawa responden memberikan skor tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim yang sederhana dan tinggi.

Jadual 1 menujukkan nilai min bagi setiap item untuk mengukur tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim dalam kalangan masyarakat di negeri Selangor. Susunan

item dalam jadual berdasarkan min yang tertinggi kepada yang terendah. Dalam aspek ini, item “Memberi nafkah kepada anak yatim adalah perintah Allah SWT.” mencatatkan nilai min yang paling tinggi (Min: 4.47, SP .686) yang menyumbang kepada kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim. Item “Pemerintah perlu menjaga kebajikan anak yatim” pula mencatatkan kedua tertinggi dengan nilai min (4.39). Item ketiga tertinggi pula ialah “Wali bertanggungjawab memastikan anak yatim mendapat pendidikan yang sempurna” iaitu (Min 4.30, SP .612). Item “Kadar nafkah yang perlu diberikan oleh wali adalah mengikut kemampuannya” pula mencatatkan (Min 4.27, SP .606).

Item kelima terendah adalah “Wali bertanggungjawab untuk menanggung nafkah anak yatim” iaitu dengan min 4.16, SP .698. Kewajipan memberikan nafkah kepada anak yatim bermula daripada keluarga sebelah ayah pula berada pada kedudukan keenam terendah dengan mencatatkan (Min 4.11 , SP .857). Item seterusnya mencatatkan (Min 3.96, SP .758) iaitu “Wali perlu menanggung nafkah anak bagi keadaan bapa yang hilang, dipenjarakan dan sakit yang tidak mampu bekerja”. Bagi item “Anak yatim yang miskin dan fakir, sumber nafkah adalah daripada harta wali” pula mencatatkan (Min 3.64, SP .876), Tanggungjawab nafkah kepada anak yatim tidak terletak kepada ibu (Min. 3.50, SP .934) dan item “Sumber nafkah anak yatim adalah daripada hartanya sendiri.” mencatatkan nilai min yang terendah iaitu (Min: 3.17, SP: 1.130).

Perbincangan

Pengertian nafkah dari segi bahasa **النفقة** bermaksud ‘mengeluarkan’ iaitu kewajipan seseorang untuk mengeluarkan nafkah keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan dan pakaian kepada yang berhak menerima. Termasuk dalam kategori nafkah ialah nafkah suami kepada isteri dan anak-anak, kaum kerabat yang miskin termasuk anak yatim dan anak-anak yang terlantar mengikut kemampuannya (Syamsul Bahri 2015).

Konsep nafkah bersandarkan al-Quran surah at-Talaq ayat 7 yang bermaksud:

“hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekadar apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan sesudah kesempitan.”

Ahli fiqh menetapkan bahawa hubungan kekeluargaan yang menyebabkan nafkah adalah keluarga terdekat yang memerlukan pertolongan seperti ibu bapa kepada anak-anaknya, anak-anak kepada orang tuanya bahkan adik beradiknya yang dekat bagi mencukupi keperluan hidup mereka serta anak-anak yatim yang termasuk dalam kerabat mereka. Imam Hanafi berpendapat wajib nafkah kepada kaum kerabat yang haram dinikahi. Memberikan nafkah kepada kaum kerabat merupakan kewajipan kepada seseorang apabila mereka mampu dan kaum kerabat tersebut adalah miskin. Kaum kerabat dekat lebih berhak disantuni dan dinafkahi berbanding dengan kerabat yang jauh lebih-lebih lagi mereka adalah anak-anak yatim.

Syamsul Bahri (2015) menyatakan bahawa tanggungjawab wali memberi nafkah kepada anak yatim adalah menyamai tanggungjawabnya memberi nafkah kepada keluarga sendiri. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“mereka bertanya tentang apa yang mereka nafkahkan. Jawablah: "Apa saja harta yang kamu nafkahkan hendaklah diberikan kepada ibu-bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan dan apa saja kebaikan yang kamu buat, maka sesungguhnya Allah SWT Maha mengetahuinya.”

(al-Baqarah: 215)

Allah SWT berfirman lagi yang bermaksud:

“dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada).

(al-Baqarah: 233)

Ayat tersebut jelas menunjukkan kewajipan wali untuk menyediakan nafkah dalam bentuk keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan dan pakaian bagi memastikan anak yatim dapat hidup sempurna seperti orang lain.

Menurut hukum fiqh, sumber nafkah anak yatim adalah daripada hartanya sendiri jika dia mempunyai harta, dan jika dia tidak mempunyai harta, sumber nafkah untuknya adalah daripada wali, dan jika dia tidak mempunyai wali, maka hak nafkah untuknya perlu diberikan oleh baitulmal (*Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyah al-Kuwait* dalam Siti Nur Hazimah Hamid 2020).

Dalam mazhab Syafi'i, nafkah anak yatim wajib ditanggung oleh usul-usulnya dengan didahulukan usul lelaki sebelum usul perempuan. Selama masih ada usul lelaki (bapa, datuk hingga seterusnya), nafkah tidak ditanggung oleh usul perempuan (ibu, nenek hingga seterusnya). Bagi anak yatim, nafkahnya wajib ditanggung oleh datuknya, diikuti oleh bapa kepada datuknya hingga seterusnya ke atas. Wali yang lebih dekat didahulukan daripada wali yang jauh. Jika anak mempunyai datuk dan juga bapa kepada datuknya, nafkahnya wajib ditanggung oleh datuk kerana ia lebih dekat. Jika sama-sama dekat seperti anak yatim mempunyai datuk sebelah bapa (iaitu bapa kepada bapanya) dan juga datuk sebelah ibu (iaitu bapa kepada ibunya), kewajipan nafkah dikongsi bersama. Menurut al-Mawardi (1999), apabila tidak ada datuk atau datuk yang ada tidak mampu, barulah kewajipan nafkah berpindah kepada usul-usul perempuan (iaitu ibu atau nenek atau yang lebih atas) (Siti Nur Hazimah Hamid 2020).

Kajian mendapati kadar min kedua terendah ialah pada item “Tanggungjawab nafkah kepada anak yatim tidak terletak kepada ibu” iaitu 3.50. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Siti Nur Hazimah Hamid et al 2020 menunjukkan bahawa 62.8% responden mengetahui sekiranya bapa meninggal dunia, tanggungjawab nafkah anak yatim berpindah kepada ahli waris dan bukannya kepada ibu anak yatim tersebut. Ini menunjukkan tahap pengetahuan terhadap tanggungjawab nafkah adalah tinggi dalam kajian ini.

Ulama tidak menetapkan kadar nafkah yang perlu diberikan oleh ahli waris kepada anak yatim. Walau bagaimanapun, ia mestilah tidak terkeluar daripada konsep ma'ruf iaitu mencukupi (Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & 'Ali al-Sharbaji 2009). Kadar cukup pula diukur mengikut

kepada uruf atau adat setempat, kebiasaan, kelaziman dan kemampuan seseorang yang perlu memberi nafkah (Siti Nur Hazimah Hamid 2020).

Kesimpulan

Istilah wali yang sinonim dengan perkahwinan perlu diubah dalam mentaliti masyarakat Melayu. Kajian ini membantu masyarakat mengenali wali dan peranan mereka dengan lebih jelas dan terperinci. Hasil kajian juga mendapati hak perwalian adalah penting bagi memastikan hak anak yatim terbela. Dapatan dari soal selidik juga menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap peranan wali kepada anak yatim dalam pengurusan nafkah adalah tinggi. Walau bagaimanapun, daripada pengamatan penulis, masyarakat sedar tentang peranan tersebut namun dari segi pelaksanaannya, masih berada pada tahap yang rendah.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- Al- Mawardi, al- Imam Abi Hasan Ali, Ibn Muhammad Ibn Habib. 1999. *Al-Hawi al-Kabir*. *Beirut*: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ary, D, Jacobs, L. C. & Razavieh, A. 1996. *Introduction to Research in Education*. Orlando, Florida: Harcourt Brace College Publishers.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & ‘Ali al-Sharbaji. 2009. *Kitab Fikah Mazhab Syafi’i*. Terj. Ridzuan Hashim, Juanda Jaya, Azizi Ismail, Mohd Asri Hashim & Salehan Ayub. Batu Caves: Pustaka Salam.
- Neuman, W. Lawrence. 2006. *Social Research Methods*. Ed. Ke- 5. New York: Pearson Education Inc.
- Siti Nur Hazimah Hamid, Bahiyah Ahmad, Shahidra Abd Khalil & Zunaidah Mohd Marzuki. 2020. *Pembentangan Nafkah Anak Yatim: Tinjauan Menurut Perspektif Fiqh, Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia Serta Kefahaman dan Amalan Masyarakat*. Akademika 90(1), April 2020: 137-149.
- Syamsul Bahri. 2015. *Konsep Nafkah Dalam Hukum Islam*. Kanun Jurnal Ilmu Hukum. No.66 Th.XVII (Agustus,2015) pp381-399.
- Wahbah al-Zuhaili. 2011. *Fiqih Islam Wa Adillatuhu*. Jilid 10. Darul Fikir Kuala Lumpur.